

22/02/1999

Cuepacs minta syarat perjanjian penswastaan air dikaji semula

KUALA LUMPUR, Ahad - Cuepacs meminta semua kerajaan negeri yang terbabit dengan penswastaan atau pengkorporatan bekalan air serta Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengkaji semula syarat perjanjian yang akan ditandatangani.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata kajian semula itu penting bagi menjamin kebajikan pengguna dan pekerja semua lembaga bekalan air yang bakal diswastakan atau dikorporatkan itu.

Setakat ini, sekurang-kurangnya empat negeri, iaitu Kelantan, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor terbabit dengan penswastaan dan pengkorporatan bekalan air.

Menurut Siva, Cuepacs juga akan mengadakan pertemuan dengan empat kerajaan negeri terbabit untuk berunding berhubung perkara itu.

"Cuepacs akan mengadakan rundingan dengan kerajaan negeri terbabit supaya perkara ini dikaji semula dan hak pekerja lembaga air yang hendak diswastakan atau dikorporatkan itu terjamin serta tidak menimbulkan masalah akibat penswastaan projek air di semua negeri berkenaan," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan hari raya di Wisma Cuepacs di sini, hari ini.

Beliau berkata, ahli majlis Cuepacs yang bersidang hari ini juga berpendapat isu itu sebagai penting untuk diteliti semula bagi menjamin ia tidak merugikan pengguna.

"Kita tidak mahu bahan yang penting seperti air, akhirnya yang menjadi mangsa ialah pengguna," katanya.

Menurutnya, apa yang menjadi kebimbangan badan pekerja itu ialah syarikat yang mendapat kontrak penswastaan atau pengkorporatan bekalan air tidak mempunyai kepakaran dalam menguruskan air.

Perkara lain yang membimbangkan Cuepacs ialah dari segi syarat perkhidmatan kepada pekerja lembaga bekalan air yang hendak diswastakan itu kerana biasanya mereka ditawarkan syarat perkhidmatan yang berbeza-beza.

"Kita juga tidak mahu khazanah negara hanya dipegang oleh beberapa syarikat tanpa mengkaji terlebih dahulu syarat berkaitan," katanya.

Sementara itu, katanya, Cuepacs akan meneruskan perbincangan dengan kerajaan mengenai isu semakan gaji terutama membabitkan kakitangan bawahan.

Bagaimanapun menurutnya, badan itu juga memahami keadaan ekonomi negara sekarang dan hanya akan mengemukakan laporan jawatankuasa semakan gaji yang sudah ditubuhkan, kepada kerajaan apabila keadaan didapati sesuai.

"Cuepacs tidak mahu hebohkan perkara ini kerana kita memahami keadaan ekonomi sekarang.

"Namun kami akan terus mengadakan rundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung semakan gaji, terutama membabitkan kumpulan rendah," katanya.

Mengenai tuntutan lima badan berkanun yang tidak dimasukkan dalam penyelarasan Skim Saraan Baru (SSB), Siva berkata, JPA sudah merujuk perkara itu kepada jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan.

(END)